Pusat Sukan dan Rekreasi I Sports and Recreational Centre |

Rujukan Kami : UniSZA.700-7/1/1 Jld. 6 ( 39 )
Bertarikh : 27 Mac 2025
Bersamaan : 26 Ramadhan 1446H

Assalamualaikum Wm.Wbr..,

**Sesiapa Yang Berkenaan**

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENYERTAI KURSUS ASAS KEJURULATIHAN MEMANAH 2025**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa UniSZA selaku PKS Memanah dengan kerjasama Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) akan menganjurkan Kursus Asas Kejurulatihan Memanah 2025 yang dijadualkan berlangsung pada **23 hingga 24 Mei 2025** bertempat di **UniSZA Kampus Gong Badak**. Penganjuran kursus ini adalah terbuka kepada semua penggiat sukan memanah seluruh Malaysia yang ingin mengembangkan karier dalam bidang kejurulatihan.

3. Sehubungan dengan itu, pentadbiran ini dengan berbesar hati menjemput YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan untuk menghantar peserta bagi menyertai kursus ini. Bersama-sama ini disertakan maklumat penganjuran kursus seperti di lampiran. Segala urusan pendaftaran hendaklah dibuat melalui sistem MAREOS sebelum atau pada **9 Mei 2025**.

4. Pentadbiran ini mengalu-alukan penyertaan daripada pihak YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan agar segala perkongsian yang akan disampaikan melalui kursus ini dapat memberi impak terhadap pembangunan sukan memanah IPT, negeri dan negara di masa akan datang.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, wassalam.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**'Ilmu dan Akhlak'**

Saya yang menjalankan amanah,

**RIDUAN BIN MOHAMED AROF**
Pengarah

s.k - Timbalan Naib Canselor HEPA
- Fail Timbul

**MAKLUMAT AM PENGANJURAN**
**KURSUS ASAS KEJURULATIHAN MEMANAH 2025**

| | |
|---|---|
| **NAMA** | Kursus Asas Kejurulatihan Memanah 2025 |
| **TARIKH** | 23 – 24 Mei 2025 |
| **TEMPAT** | UniSZA Kampus Gong Badak |
| **ANJURAN** | PKS Memanah UniSZA dengan kerjasama Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM). |
| **PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PESERTA** | Pendaftaran hendaklah dibuat melalui sistem **MAREOS**.<br><br>Terbuka kepada penggiat sukan memanah seluruh Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada tahun semasa.<br><br>Jawatankuasa Kejurulatihan NAAM berhak untuk memilih calon yang berkelayakan sahaja untuk menyertai kursus ini.<br><br>Sijil penyertaan akan dikeluarkan oleh pihak NAAM dan akan melayakkan peserta untuk menghadiri Kursus Kejurulatihan Memanah Tahap 1 anjuran NAAM. |
| **YURAN PENYERTAAN** | **RM 250.00 / Orang**<br><br>Yuran penyertaan hendaklah dibayar kepada:<br>Nama Akaun : **Bendahari Universiti Sultan Zainal Abidin**<br>No. Akaun : **13017010082394**<br>Bank : **Bank Islam**<br><br>Bayaran yuran penyertaan hendaklah dijelaskan sebelum atau pada **9 Mei 2025**. Sila *WhatsApp* bukti pembayaran kepada pihak urusetia. |
| **TENTATIF SEMINAR** | (lihat jadual di bawah) |

**TENTATIF SEMINAR**

| 23 Mei 2025 (Jumaat) | |
|---|---|
| **Masa** | **Program** |
| 8.00 – 9.00 pg | - Pendaftaran Peserta |
| 9.00 – 10.30 pg | - Taklimat Pengenalan Kejurulatihan |
| 10.30 – 11.00 pg | - Minum Pagi |
| 11.00 pg – 12.30 tgh | - Pengenalan Peralatan |
| 12.30 tgh – 2.30 ptg | - Makan Tengahari/Rehat |
| 2.30 – 4.00 ptg | - Pengenalan Teknik Asas |
| 4.00 – 4.30 ptg | - Minum Petang |
| 4.30 – 6.00 ptg | - Latihan Praktikal Memanah |

| 24 Mei 2025 (Sabtu) | |
|---|---|
| **Masa** | **Program** |
| 8.30 – 10.30 pg | - Asas *Tuning* Peralatan & Praktikal |
| 10.30 – 11.00 pg | - Minum Pagi |
| 11.00 pg – 12.30 tgh | - Peraturan dan Keselamatan |
| 12.30 tgh – 2.30 ptg | - Makan Tengahari/Rehat |
| 2.30 – 4.00 ptg | - Rumusan dan Penutup |
| 4.00 – 4.30 ptg | - Minum Petang dan Bersurai |

| | |
|---|---|
| **PENGINAPAN DAN PENGANGKUTAN** | Penginapan dan pengangkutan bagi peserta kursus ini adalah dibawah tanggungan sendiri. |

| | |
|---|---|
| **TANGGUNGJAWAB PESERTA** | i. Semua peserta kursus hendaklah berpakaian sukan, kemas dan menutup aurat.<br>ii. Semua peserta diwajibkan berkasut sukan sepanjang sesi kursus dijalankan.<br>iii. Semua peserta dikehendaki membawa sendiri buku nota serta alat tulis.<br>iv. Semua peserta digalakkan untuk membawa sendiri peralatan memanah bagi memastikan kelancaran sesi praktikal semasa kursus.<br>v. Tidak ada mana-mana individu termasuk penceramah yang dibenarkan untuk merakam dan/atau menyiarkan secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM). Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa mana-mana sesi ceramah, poster, dan/atau bengkel yang dikendalikan oleh NAAM adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis NAAM. Peserta dan/atau penceramah yang tidak mematuhi arahan mungkin diminta keluar daripada kursus yang dijalankan. |
| **MAKLUMAT URUSETIA** | Untuk sebarang info dan maklumat lanjut, sila hubungi urusetia:<br><br>- En. Suhardi Abdullah : 013-9798789 / pksmemanah@gmail.com |